

Tajuk : Mahathir penaung alumni UNIMAS

Mahathir penaung alumni Unimas

SAMARAHAN: Mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dilantik sebagai Penaung Alumni Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) berkuat kuasa 29 Februari lalu.

Timbalan Naib Canselor Unimas (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Madya Mohd Fadzil Abdul Rahman berkata, Tun Dr Mahathir mengesahkan persetujuan perlantikan itu ketika menghadiri Konvensyen Kebangsaan Politik dan Patriotisme di kampus universiti berkenaan pada 26 Februari lalu.

“Dalam acara itu, saya secara peribadi bertanya kepada bekas Perdana Menteri sama ada dia sudi menjadi Penaung Alumni Unimas dan beliau menyatakan sendiri persetujuannya itu,” katanya pada sidang media Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Unimas di Kampus Unimas di sini, semalam.

Fadzil berkata, sebelum ini Unimas sudah membuat permohonan secara rasmi dengan menghantar surat berkaitan kepada Tun Dr Mahathir tetapi tidak mendapat sebarang jawapan.

“Walaupun Tun Dr Mahathir bukan bekas penuntut Unimas, namun bekas Perdana Menteri itu dan isterinya Tun Dr Siti Hasmah menerima Ijazah Kehormat dari Unimas dan mengikut peraturan universiti, mereka



UMUM...Fadzil Abdul Rahman pada sidang media Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Unimas.

boleh menjadi alumni bersekutu,” katanya.

Tun Dr Mahathir ketika menjadi Perdana Menteri bertanggungjawab merealisasikan penubuhan Unimas pada 31 Ogos 1993 selepas beliau mengumumkan Gagasannya Wawasan 2020.

Fadzil berkata, Unimas tu-

rut menghormati permintaan Tun Dr Mahathir perlantikannya tidak disalahgunakan bagi memohon peruntukan atau kepentingan lain tetapi hanya sebagai simbol Negarawan Terbilang yang menjadi penaung alumni universiti terbabit.

“Kami berharap bekas pe-

lajar Unimas dapat aktif menyertai alumni dengan perlantikan beliau, kerana seperti universiti lain negara ini Unimas turut menghadapi masalah kurangnya bekas pelajar yang menyertai aktiviti menyumbang kembali kepada universiti mereka,” katanya.

Setakat ini Unimas melahirkan 17,000 graduan sejak konvokesyen pertamanya pada 1997 dan menubuhkan enam Chapter Alumni Unimas di seluruh negara bagi mengumpulkan bekas pelajar serta bilangan alumni mempengaruhi senarai kedudukan universiti terbabit.